



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
HANG TUAH JAYA
76100 DURIAN TUNGGAL, MELAKA.

KENYATAAN TAWARAN

1. Tender adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai sijil perolehan kerja kerajaan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran masa ini bagi kerja berikut:

NOMBOR TENDER	TAJUK	TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	LESEN PKK/LPIPM	TARIKH JUAL	TARIKH TUTUP	HARGA DOKUMEN
UTeM/BEN/06/2014	TENDER BAGI CADANGAN BAIKPULIH DAN MEMBINA PAGAR BARU JENIS "CHAINLINK" PERIMETER, DI KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	02 Disember 2014 Di Lobi Pejabat Pembangunan, Kampus Induk Utem Masa : 10.00 Pagi (Kedatangan adalah diwajibkan)	Gred G3 Kategori CE Pengkhususan CE21	02 Disember 2014	24 Disember 2014	RM70.00

2. Naskah Meja Tender akan dipamerkan **25 November 2014** dan dijual mulai **02 Disember 2014** sehingga tarikh tutup tender iaitu **26 Disember 2014, jam 12.00 tengahari** pada waktu pejabat di alamat seperti berikut :

HARI	WAKTU	TEMPAT
Isnin – Khamis	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan, Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka Kampus Induk
Jumaat	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang	76100 Durian Tunggal Melaka

3. Dokumen tender ini akan dikeluarkan dan dijual **02 Disember 2014** selepas taklimat dan lawatan tapak mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 sehingga **26 Disember 2014**. **Dokumen akan dijual pada yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.**
4. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam sijil SPKK, hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan Pegawai Eksekutif Syarikat.
5. Penender dikehendaki membawa Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera yang **ASAL** dan sesalinan bagi setiap sijil tersebut (Salinan sijil tersebut tidak akan dikembalikan).
6. Dokumen tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara Tunai/Kiriman Wang/Wang Pos atau Bank Deraf atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**
7. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan Tajuk dan No. Tender di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimasukkan ke dalam Peti Tender, Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di alamat tersebut di atas sebelum atau pada tarikh tutup berkenaan. **Sebarang kelewatan tidak akan diterima.**


KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIR
Pejabat Bendahari
(Pegawai Unit Perolehan) Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06-331 6091 / 6322 / 6093 / 6095
FAKS : 06-331 6296